



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 47

Khamis

16 November 2017

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Peraturan dan Garis Panduan Untuk Organisasi Luar Sekolah
Menjalankan Kelas Moral di Sekolah Kebangsaan**
– *YB. Dr. Ong Kian Ming (Serdang)* [Halaman 1]
- **Masalah Penagih Dadah yang Semakin Meruncing di Negara Ini**
– *YB. Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)* [Halaman 5]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 16 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Peraturan dan Garis Panduan Untuk Organisasi Luar Sekolah
Menjalankan Kelas Moral di Sekolah Kebangsaan**

2.34 ptg.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tajuk ucapan saya adalah Peraturan dan Garis Panduan Untuk Organisasi Luar Sekolah Untuk Menjalankan Kelas Moral di Sekolah Kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, saya menerima maklumat daripada ibu bapa di SJK(C) Serdang Baru 2 di Seri Kembangan bahawa sebuah NGO telah diberikan kebenaran untuk menjalankan program pada sesi kelas moral. Saya difahamkan bahawa program ini dijalankan secara pilot program dalam satu kelas sahaja pada tahun ini dan mungkin akan diperkenalkan ke seluruh sekolah pada tahun 2018.

Soalan saya adalah seperti berikut:

- (i) apakah peraturan atau garis panduan Kementerian Pendidikan untuk pihak NGO menjalankan program pada sesi kelas moral. Adakah pihak sekolah diwajibkan untuk mendapatkan persetujuan daripada PIBG untuk menjalankan program seperti ini walaupun sebagai pilot program sahaja;
- (ii) adakah pihak sekolah diwajibkan untuk mendapatkan persetujuan daripada PIBG jikalau program seperti ini diperkenalkan ke seluruh sekolah. Bolehkan ibu bapa mohon kelas moral yang tidak diajar oleh pihak NGO luar sekolah disediakan untuk murid-murid

sebagai satu pilihan. Sila menyertakan peraturan dan garis panduan lengkap mengenai perkara ini dalam jawapan Menteri. Sekian, Terima kasih.

2.35 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Terima kasih Tuan Yang di- Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Serdang mengenai Peraturan dan Garis Panduan untuk Organisasi Luar Sekolah untuk Menjalankan Kelas Moral di Sekolah Kebangsaan.

Terdapat dua peraturan atau garis panduan KPM berkaitan dengan penganjuran program oleh agensi luar. Pertamanya ialah berkaitan peraturan atau garis panduan pelibatan murid dan keduanya ialah berkaitan dengan peraturan atau garis panduan pelibatan sekolah. Peraturan atau garis panduan yang dimaksudkan tersebut ialah:

- (i) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004: Panduan Pelibatan Murid-murid Sekolah dalam Program atau Aktiviti Anjuran Agensi-agensi Selain daripada Agensi di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia; dan
- (ii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2011: Garis Panduan Pelibatan Pihak Sekolah dalam Program atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain daripada Agensi di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras yang mesti dipelajari oleh semua murid bukan Islam di sekolah kerajaan, bantuan kerajaan dan sekolah swasta. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Moral oleh guru di sekolah tertakluk kepada akta dan peraturan berikut:

- (i) Akta 550 memperuntukkan hanya seorang guru yang diperakukan permit mengajarnya oleh pendaftar, layak mengajar di sekolah;
- (ii) Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 1998 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), menyatakan bahawa seseorang guru hendaklah mengajar mengikut suatu sukatan pelajaran yang diluluskan dan suatu jadual waktu yang diluluskan;

- (iii) Kurikulum Kebangsaan yang sedang berkuat kuasa iaitu Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2017, peruntukan waktu pendidikan moral di sekolah jenis kebangsaan ialah 64 jam setahun bagi Tahap I dan 80 jam setahun bagi Tahap II.

Bagi memastikan peraturan atau garis panduan yang disebutkan tadi dilaksanakan dengan betul oleh pihak sekolah, kerajaan juga telah memperuntukkan bidang kuasa berkaitan penalti, iaitu:

- (i) Perkara 11 dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 menyatakan bahawa:
 - (a) seseorang guru hendaklah mengajar mengikut suatu sukatan pelajaran yang diluluskan dan suatu jadual waktu yang diluluskan dan mana-mana guru yang mengajar murid atau mana-mana orang yang membenarkan seseorang guru mengajar murid melainkan daripada mengikut sukatan pelajaran yang diluluskan atau jadual waktu yang diluluskan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya;
 - (b) seseorang guru besar, pengetua atau guru yang melanggar peraturan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM500.

Berdasarkan kepada akta, peraturan dan garis panduan yang telah dinyatakan di atas, pihak sekolah tidak dibenarkan melaksanakan sebarang program atau aktiviti yang tidak ada kaitan dengan kurikulum Pendidikan Moral pada waktu PdP yang diadakan di sekolah. KPM ingin menjelaskan bahawa sebarang program yang hendak dilaksanakan di sekolah oleh pihak luar perlu mendapat kelulusan daripada pendaftar negeri terlebih dahulu, iaitu Pengarah Pendidikan Negeri. Agensi luar yang berkenaan hendaklah mengemukakan kertas cadangan kepada pendaftar negeri untuk kelulusan. Aspek penilaian yang akan dipertimbangkan dan diteliti oleh pendaftar negeri adalah kandungan dan pengisian program yang hendak dicadangkan.

■1440

Tuan Yang di Pertua, peranan PIBG antaranya adalah menasihati pihak sekolah berkaitan pelaksanaan aktiviti untuk manfaat dan kebajikan murid di sekolah seperti yang diwartakan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa dan Guru) 1998 PU(A) 118/1998 Perkara 5: Tujuan-tujuan dan Batasan-batasan Persatuan. Tegasnya, pihak PIBG tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memberi kelulusan pelaksanaan sesuatu program di sekolah. Pihak PIBG hanya berperanan menasihati dan mengemukakan pandangan kepada pihak sekolah terhadap apa jua aktiviti yang hendak dilaksanakan oleh pihak sekolah.

Menyentuh tentang isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Serdang, KPM ingin menjelaskan bahawa program yang dilaksanakan di SJK(C) Serdang Baru 2, Seri Kembangan ialah Program Bercerita oleh ibu bapa penyayang semasa waktu Pendidikan Moral. Program ini merupakan inisiatif PIBG yang dilaksanakan oleh Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) selaras dengan Anjakan kesembilan; Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Semasa program tersebut dijalankan, guru Pendidikan Moral kelas berkenaan masih berfungsi sebagai guru dan ibu bapa membantu untuk bercerita kepada murid-murid tentang nilai-nilai murni. Program ini tidak bercanggah dengan garis panduan dan peraturan yang sedia ada kerana PdP tersebut dilaksanakan sepenuhnya oleh guru KPM. Program yang dilaksanakan juga ada menyentuh silibus yang terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Moral KSSR.

Namun, perlu saya tegaskan di sini bahawa tiada sebarang pelaksanaan program pilot pada sesi Kelas Pendidikan Moral dilaksanakan oleh mana-mana NGO di sekolah tersebut pada masa ini. Sekiranya program sedemikian hendak dilaksanakan oleh mana-mana NGO di sekolah, NGO tersebut perlu mendapat permohonan rasmi untuk mendapat kelulusan Pendaftar Negeri dan pihak Kementerian Pendidikan.

Kesimpulannya, PdP bagi semua mata pelajaran termasuklah mata pelajaran Pendidikan Moral hendaklah dilaksanakan oleh guru KPM yang telah mendapat permit mengajar. Peraturan ini ditetapkan bagi memastikan PdP yang dilaksanakan mencapai standard kualiti dan keberkesanan yang disasarkan, dan bukan bermaksud untuk menutup kerjasama dengan pihak luar.

KPM sentiasa mengalu-alukan dan mengharapkan kerjasama daripada ibu bapa, masyarakat dan syarikat swasta untuk mengadakan aktiviti untuk murid dan guru, selaras dengan Anjakan kesembilan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2016-2025. Permuafakatan antara pihak sekolah dengan PIBG, ibu bapa dan

komuniti menjadi pemangkin ke arah usaha meningkatkan kemenjadian murid. Walau bagaimanapun, aktiviti tersebut hendaklah dijalankan di luar waktu rasmi persekolahan dan tidak mengganggu pelaksanaan PdP dalam bilik darjah selaras dengan peraturan-peraturan yang telah saya sebutkan. Sekian, terima kasih.

Masalah Penagih Dadah yang Semakin Meruncing di Negara Ini

2.44 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tajuk ucapan saya berkenaan Masalah Penagih Dadah yang Semakin Meruncing di Negara Ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merujuk kepada masalah penagihan najis dadah yang berleluasa di negara ini dan saya lihat usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan tidak mendatangkan banyak kesan dalam menangani permasalahan ini. Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai hukuman yang membawa kepada mati mandatori. Hukuman apakah yang lebih berat daripada hukuman mati. Namun, pelaksanaan hukuman sedemikian masih tidak dapat menyelesaikan masalah najis dadah di negara ini.

Saya ingin mendapatkan statistik terkini daripada pihak kementerian dalam mengesan jumlah penagih najis dadah mengikut negeri yang sedang menjalani pemulihan bagi tempoh lima tahun dari tahun 2012 hingga 2016. Ada penagih najis dadah ini yang selesai proses pemulihan kembali kepada aktiviti penagihan mereka. Adakah kita berjaya mengenal pasti faktor yang menyebabkan perkara ini berulang. Daripada jumlah penagih yang diberikan, berapa ramaikah yang pulih dengan tidak kembali menjadi sampah masyarakat. Sila nyatakan jumlah tersebut mengikut umur dan kaum agar kita dapat melihat kumpulan fokus yang perlu diberi penekanan dalam menangani masalah ini termasuk perangkaan terperinci mengenai peningkatan masalah penagihan najis dadah di kawasan Petaling Jaya.

Sila berikan kepastian akan kesahihan maklumat yang didapati daripada pihak-pihak yang boleh dipercayai bahawa di pusat-pusat pemulihan dadah, bahan najis dadah mudah untuk diperolehi. Siapakah yang membekalkan dadah kepada pusat pemulihan. Sekiranya benar dakwaan itu, apakah pihak kementerian tidak ada usaha dalam mengatasinya.

Izinkan saya mengambil perhatian Dewan yang mulia ini mengenai sebuah

pusat pemulihan yang tidak dibiayai oleh Kerajaan dan dinaungi oleh Gereja *Glad Tidings Assembly of God* yang terletak di Seksyen 13, Petaling Jaya. Ianya dijalankan oleh komuniti *Life zone* dan sudah beroperasi selama 21 tahun dengan dana diperolehi daripada wang simpati orang awam. Pusat tersebut telah menunjukkan perkembangan positif dan membuktikan peratusan daripada kalangan penghuni di pusat tersebut pulih sepenuhnya dan dapat diterima masyarakat dan bekerja untuk mencari nafkah.

Justeru, saya mencadangkan bahawa pihak Agensi Antidadah Kebangsaan agar dapat bekerjasama dengan pusat-pusat pemulihan persendirian seperti ini dan menangani masalah dadah di negara ini.

Saya berpendapat orang awam juga mempunyai kepentingan dalam membendung gejala sosial ini dan memberi seberapa banyak sokongan agar bangkai bernyawa ini insaf, pulang ke pangkal jalan dan diterima dalam masyarakat dan yang paling penting, tenaga mereka ini penting dalam membangunkan negara. Sekian, terima kasih.

2.47 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Masir Kujat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) amat memandang serius masalah dadah dalam negara ini dan komited untuk menanganinya secara berterusan. Dadah yang merupakan ancaman negara sejak sekian lama ini masih lagi dianggap sebagai musuh nombor satu negara kerana cabaran-cabaran yang dihadapi. Cabaran ini termasuklah penghasilan jenis-jenis dadah baru dan terkini yang dijual di pasaran serta *trend* penagihan dadah yang semakin kompleks di mana kebanyakan penagih dadah yang mendapatkan rawatan di Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) merupakan pengguna *polydrug* iaitu penagih yang menggunakan dua atau lebih dadah jenis psikoaktif.

Berhubung dengan statistik penagih dadah pula, rekod Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (MyAADK) menunjukkan jumlah penagih dadah yang dikesan dari tahun 2012 sehingga Ogos 2017, adalah seperti berikut:

- (i) Tahun 2012 adalah seramai 15,101 orang;
- (ii) Tahun 2013 adalah seramai 20,887 orang;
- (iii) Tahun 2014 adalah seramai 21,777 orang;
- (iv) Tahun 2015 adalah seramai 26,668 orang;
- (v) Tahun 2016 adalah seramai 30,844 orang; dan
- (vi) Tahun 2017 sehingga Ogos adalah seramai 13,529 orang.

Berdasarkan perbandingan jumlah penagih yang dikesan pada tahun 2017 iaitu sehingga bulan Ogos yang berjumlah 13,529 orang, dengan tempoh yang sama pada tahun 2016 iaitu seramai 21,826 orang, didapati terdapat penurunan jumlah penagih sebanyak 38 peratus. Penurunan ini merupakan impak tindakan Kerajaan menggerakkan Program Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) sejak tahun 2016.

Manakala, statistik penagih yang dikesan di Daerah Petaling Jaya bagi tahun 2012 sehingga Ogos 2017 adalah seperti berikut:

- (i) Tahun 2012 adalah seramai 319 orang;
- (ii) Tahun 2013 adalah seramai 433 orang;
- (iii) Tahun 2014 adalah seramai 345 orang;
- (iv) Tahun 2015 adalah seramai 626 orang;
- (v) Tahun 2016 adalah seramai 818 orang; dan
- (vi) Tahun 2017 sehingga Ogos adalah seramai 233 orang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan pendekatan *dual policy* di mana jenayah dadah dianggap sebagai isu keselamatan dan juga isu penagihan dadah dilihat sebagai isu kesihatan. Pendekatan ini memberi peluang kepada individu yang mengalami isu penagih dadah untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan.

■1450

Justeru, AADK telah berjaya melaksanakan program rawatan dan pemulihan dadah di dalam institusi menerusi Klinik *Cure&Care 1Malaysia* (Klinik C&C), *Cure&Care Rehabilitation Centre* (CCRC) dan *Cure & Care Vocational Centre* (CCVC) ke atas klien-klien yang dirujuk di bawah seksyen 6(1) dan seksyen (8), Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Klien-klien yang berada di dalam institusi ini perlu menjalani program rawatan dan pemulihan dadah yang diatur dan ianya diteruskan lagi secara pemulihan dalam komuniti. Ini bertujuan supaya klien-klien ini dapat menjaga dan mengekalkan kepulihan mereka.

Dalam hal ini, sehingga September 2017, seramai 9,663 klien AADK yang telah menamatkan program rawatan dan pemulihan dalam institusi dibebaskan dalam komuniti. Daripada jumlah tersebut seramai 5,271 atau 55 peratus orang kena pengawasan (OKP) telah mengekalkan kepulihan dalam tempoh dua tahun.

KDN juga melihat kepentingan menggerakkan masyarakat setempat dalam menangani permasalahan penagihan dadah menerusi program *Community Empowerment*, di mana masyarakat mestilah berperanan dari segi:

- (i) penerimaan, iaitu masyarakat bersedia menerima penagih dadah yang sedang menjalani kepulihan (*recovering addicts*);
- (ii) membantu dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada *recovering addicts*;
- (iii) sokongan sosial sama ada daripada keluarga, pemimpin komuniti dan juga masyarakat umum terhadap klien-klien tersebut; dan juga
- (iv) menerima secara berterusan terhadap perjalanan kepulihan (*recovery journey*) klien-klien ini supaya mereka tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor *relapse*.

AADK juga bertindak sebagai pemantau kepada Pusat-pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. PPDP merupakan ahli NGO dan merupakan rakan kerjasama pintar kepada AADK dalam menggerakkan program-program pencegahan dan pemulihan khususnya kepada masyarakat dalam menangani masalah dadah. Di samping itu, peranan badan-badan seperti Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Persatuan Pengasih Malaysia, Jawatankuasa Pemulihan Dadah (JKPD) dan pemimpin-pemimpin komuniti adalah penting dalam membantu bekas-bekas penagih dadah yang telah tamat menjalani program rawatan dan juga pemulihan di institusi untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, isu penagihan dadah adalah rumit dan kompleks. Merawat dan memulihkan masalah penagihan dadah sukar dicapai dalam tempoh yang singkat. Lazimnya, rawatan dan pemulihan dadah merupakan satu proses yang panjang dan berterusan kerana penagihan merupakan sejenis penyakit yang berulang akibat gangguan saraf otak dan juga terdapat beberapa faktor yang menyebabkan penagih terlibat kembali semula dengan penagihan dadah. Antaranya adalah stigma masyarakat terhadap bekas penagih dadah yang telah menjalani rawatan dan pemulihan.

Penagihan semula ini juga berpunca daripada kesukaran mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian kerana latar belakang sebagai penagih dadah walaupun terdapat dalam kalangan mereka yang telah menjalani rawatan dan pemulihan mempunyai latihan, kemahiran, latar belakang pendidikan yang baik dan juga pengalaman dalam pelbagai bidang kerja.

Selain itu, tempoh pengambilan dadah yang panjang dan berhadapan dengan masalah *comorbidity* turut menyumbang kadar *relapse* dalam kalangan penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri melalui AADK sentiasa memantau aspek kepulihan klien termasuklah melalui program dalam komuniti yang melibatkan klien-klien yang dibebaskan. Berdasarkan pemantauan dan penilaian oleh AADK, didapati kadar kepulihan bekas-bekas klien di Pusat Pemulihan Dadah adalah antara 55 peratus hingga 60 peratus dan ia melebihi sasaran kita sebanyak 40 peratus yang telah ditetapkan dalam KPI kementerian dalam tahun 2016 dan tahun 2017.

AADK melaksanakan program penilaian dan pengukuran kepulihan menggunakan instrument pengukuran kepulihan yang dihasilkan oleh amalan terbaik berasaskan prinsip-prinsip kepulihan SAMSHA (*Substance Abuse and Mental Health Services Administration*) di bawah *Institute National of Drug Abuse*. Ingin dimaklumkan bahawa pekerjaan merupakan salah satu indikator untuk membantu proses pengekalan kepulihan.

Berdasarkan statistik sehingga Ogos 2017, seramai 43,453 orang kena pengawasan (OKP) iaitu 72.28 peratus daripada jumlah keseluruhan 60,116 OKP mempunyai pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri menafikan tuduhan yang mengatakan dadah mudah diperolehi di Pusat Pemulihan Dadah kerana menjadi satu kesalahan dari segi undang-undang jika didapati berlaku penyeludupan dadah ke pusat berkenaan. Ini kerana, semua Pusat Pemulihan Dadah adalah tertakluk di bawah undang-undang dan kaedah-kaedah pusat pemulihan dan menguatkuasakan larangan kepada apa-apa bahan terlarang termasuk dadah. AADK juga sentiasa mengadakan pemantauan secara berterusan termasuk menjalankan ujian-ujian urin secara rawak atau *random* bagi memastikan pusat pemulihan bebas dari dadah.

Justeru, Kementerian Dalam Negeri menyeru agar semua pihak, terutamanya pemimpin-pemimpin komuniti, ahli-ahli komuniti dan juga ahli-ahli keluarga klien untuk turut sama membantu kerajaan dalam proses kepulihan klien kerana masalah penagihan dadah adalah tanggung jawab semua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 20 November 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.56 petang]